

Kertas konsep: Bagaimana radio membantu pembangunan komuniti setempat ketika pandemik?

ABSTRAK

Radio merupakan alat perhubungan elektronik tertua di dunia dan popular sebelum kehadiran televisyen. Bagaimanapun, kehadiran teknologi komunikasi baharu seperti Internet dan media sosial telah merubah ekosistem radio dan peranan radio terhadap komuniti. Sebelum tahun 1996, radio sangat berperanan dalam mendidik masyarakat terutamanya pekebun dalam mempelajari ilmu dan kemahiran bertani dan cara pemasaran di Malaysia. Namun, selepas tahun 1996, fungsi radio dalam mendidik pekebun dilihat tidak penting. Tahun 2019, dunia dilanda pandemik Covid-19 yang menyumbang kepada kelumpuhan petani dalam mengedar dan memasarkan sumber pertanian mereka. Hasilnya, banyak sumber tani yang tidak dapat dijual. Kertas konsep ini bertujuan untuk meneliti peranan radio sebagai alat pembangunan bagi sesebuah komuniti. Penyelidik mencadangkan agar radio dengan format setempat atau daerah perlu menerbitkan sebuah rancangan berbentuk pendidikan pengurusan pertanian serta membantu membuat hebahan mengenai produk tempatan ini.